

02/11/1998

Langkah Reuters dianggap wajar

KUALA LUMPUR, Ahad - Langkah agensi berita antarabangsa, Reuters, untuk menyalurkan maklumat berita dalam bahasa Melayu disifatkan sebagai wajar dan bijak.

Usaha agensi berita antarabangsa itu membolehkan berita dalam bahasa Melayu disampaikan secara lebih meluas berdasarkan bilangan pelanggannya yang lebih ramai berbanding agensi berita tempatan, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama).

Pemangku Editor Eksekutif Bernama, Azman Ujang, berkata usaha Reuters itu menepati kehendak pelanggannya sama ada di dalam mahupun luar negara, yang mengkehendaki berita berbahasa Melayu.

Mengulas pendedaran berita terbitan Bernama oleh Reuters, beliau berkata, pihaknya gembira dapat bekerjasama dengan agensi berkenaan kerana ia membolehkan berita Bernama diperolehi di luar negara.

"Reuters mempunyai lebih ramai pelanggan dan kemungkinan besar, sebahagian daripada mereka tidak melanggan berita Bernama.

"Oleh itu, langkah Reuters menyalurkan maklumat berita berbahasa Melayu, termasuk berita terbitan Bernama, memberi pelanggannya pilihan yang lebih luas.

"Tambahan pula, berita Reuters diiktiraf, termasuk oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyifatkan laporan mereka sebagai seimbang," katanya di sini hari ini.

(END)